

## **KERAJAAN NEGERI KELANTAN**

### **PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN KELANTAN BIL. 3/1992**

#### **DASAR PEMBERIAN MILIK TANAH KEPADA ORANG RAMAI**

1. Pekeling ini dikeluarkan untuk memberitahu semua Pentadbir Tanah dan Jajahan bahawa Majlis Mesyuarat Kerajaan ssetelah menimbang Kertas MMK. Bil. 8/275/92(17) dalam sidangnya pada 8 April, 1992 telah membuat keputusan supaya garis panduan berikut digunakan didalam pemberian milik tanah.

#### **1.1 Penyelesaian Tanah Perintahan Haram**

- 1.1.1 Kawasan-kawasan perintahan haram (di luar Rizab Hutan) sebelum 1.1.90 hendaklah dikenal pasti dan dibentang bagi perakuan Jawatankuasa Tanah Jajahan.
- 1.1.2 Perakuan Jawatankuasa Tanah Jajahan hendaklah diangkat bagi mendapat kelulusan dasar daripada Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri.
- 1.1.3 Setelah kelulusan Majlis Mesyuarat Kerajaan diperolehi, tanah-tanah yang diperintah haram itu disukat menjadi lot-lot kecil mengikut keluasan yang diperintah haram dengan tidak melebihi 3.2 hektar bagi satu lot dan senarai peserta-peserta hendaklah diperakui oleh Jawatankuasa Tanah Jajahan.

- 1.1.4 Jawatan kuasa Hal Ehwal Tanah Jajahan hendaklah menapis dan memperakui senarai peserta dan hendak mempastikan hanya satu lot sahaja diberi kepada satu keluarga.
- 1.1.5 Pejabat Tanah berkenaan mengambil tindakan menerima permohonan-permohonan milik tanah dalam Borang Jadual 1 daripada mereka yang telah diperakui oleh Jawatankuasa Tanah Jajahan mengikut perenggan 1.1.4 di atas serta memungut bayaran fail dan deposit bagi premium dan lain-lain bayaran pejabat.
- 1.1.6 Permohonan-permohonan yang diterima dan telah diperakui oleh Jawatankuasa Tanah Jajahan itu diangkat bagi kelulusan Pentadbir Tanah Jajahan.
- 1.1.7 Tindakan undang-undang perlu diambil ke atas peneroka tanah kerajaan secara haram seperti berikut:
  - 1.1.7.1 Pentadbir Tanah Jajahan bolehlah mengenakan tindakan undang-undang keatas mereka yang didapati menerokai tanah secara haram pada 1.1.90.
  - 1.1.7.2 Pentadbir Tanah Jajahan bolehlah meminta kerjasama Pihak Polis dalam menjalankan kerja-kerja penguatkuasaan keatas peneroka-peneckora tanah Kerajaan secara haram.

## **1.2. Penyelesaian Permohonan Milik Tanah Individu dan Yang Tertunggak ( 72,358 permohonan )**

---

- 1.2.1 Pentadbir Tanah Jajahan membatalkan semua permohonan milik tanah yang didapati termasuk dalam kawasan Hutan Simpan dan kawasan Rizab Haiwan. Pemohon hendaklah diberitahu mengenai pembatalan tersebut dan salinannya hendaklah dihantar ke Jabatan Perhutanan Negeri bagi Kawasan Hutan Simpan dan ke Jabatan Perkhidmatan Haiwan bagi Kawasan Rizab Haiwan.
- 1.2.2 Bagi mempercepatkan penyelesaian milik tanah kerja-kerja sukat-menyukat hendaklah diserah kepada Jurukur Berlesen sebagai jalan keluar kepada masalah kekurangan tenaga Pegawai Pertermpatan.. Kertas Kerja Prosedur mengenai perkara ini telah disediakan oleh Pengarah Tanah dan Galian dengan kerjasama Pengarah Ukur Negeri.
- 1.2.3 Bagi tanah-tanah yang belum dimajukan (ihya'), hendaklah dilupuskan dalam bentuk Lesen Menduduki Sementara (bagi tempoh 3 tahun), mengikut cara pemilikan melalui konsep Tahjir. Pemberianmilik sepenuhnya hanya dibuat setelah pemohon mengihya'kan (usahaakan) tanah berkenaan sepenuhnya.
- 1.2.4 Jika pemohon berjaya mengihya'kan sebahagian sahaja daripada tanah yang dipohon, setelah tempoh 3 tahun tamat, pemberianmilik hendaklah terhad setakat mana tanah itu telah diusahaakannya (mengikut kemampuannya).

1.2.5 Pemegang Lesen Menduduki Sementara (dalam tempoh percubaan 3 tahun) tidak boleh memindahmilik tanah berkenaan kepada orang lain. Ini berasaskan pendapat Mazhab Shafie dan Hanafi pemberianmilik berasaskan Tahjir. Tetapi jika tempoh 3 tahun telah habis dan tanah itu masih belum dimajukan maka orang yang memajukan tanah itu kemudiannya adalah berhak memiliki tanah tersebut. Dengan kata lain, selepas tempoh 3 tahun, jika tanah yang ditahjirkan belum lagi dimajukan, maka pihak kerajaan bolehlah menamatkan Lesen Menduduki Sementara dan membenarkan orang lain mentahjirkannya.

### **1.3   Banci Pemilikan Tanah Bagi Penduduk Negeri Kelantan**

1.3.1. Satu bancian hendaklah dijalankan di seluruh negeri bagi tujuan mengetahui kedudukan pemilikan dan keperluan tanah rakyat Negeri Kelantan. Adalah diharapkan dengan bancian ini Pihak Berkuasa Negeri dapat menentukan orang-orang yang layak diberi milik tanah.

1.3.2. Program bancian akan dikendalikan oleh Pentadbir Tanah Jajahan dengan kerjasama semua wakil rakyat, penggawa dan penghulu. Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Kelantan adalah urusetia kepada bancian ini.

1.3.3. Cadangan format bancian bagaimana **di Lampiran ‘A’**.

1.3.4. Pentadbir Tanah Jajahan hendaklah menganalisis format tersebut tersebut, dan meletakkan permohonan tanah di dalam kategori berikut:-

- A. Orang-Orang miskin, yang tidak memiliki tanah/tanah tidak ekonomik, dan mampu mengerjakan tanah sendiri.
- B. Orang yang telah memiliki tanah, dan ingin menambah tanah, dan sanggup mengerjakan tanah sendiri.
- C. Orang yang berminat untuk memiliki tanah, tetapi tidak sanggup mengerjakan tanah sendiri (misalnya pegawai-pegawai kerajaan, kakitangan swasta atau ahli-ahli perniagaan).

#### **1.4 Bentuk Rancangan Tanah**

1.4.1. Blok Ketua Jajahan

1.4.1.1 Peserta hendaklah berumur tidak melebihi 50 tahun pada tarikh permohonan diterima.

1.4.1.2 Peserta-peserta sanggup mengerjakan tanah sendiri.

1.4.1.3 Kerajaan tidak akan memberi sumbangan kewangan.

#### 1.4.2. Rancangan Belia Berkelompok

- 1.4.2.1 Peserta-Peserta hendaklah berumur tidak melebihi 35 tahun.
- 1.4.2.2 Peserta-Peserta sanggup mengerjakan tanah sendiri.
- 1.4.2.3 Tiada sumbangan kewangan dari kerajaan.

#### 1.4.3. Ladang Rakyat

- 1.4.3.1 Agensi-Agenzi Kerajaan akan memajukan tanah sehingga preingkat penanaman pokok.
- 1.4.3.2 Tanah akan dijual kepada orang-orang mampu membelinya, dengan harga bersamaan dengan kos pembangunan tanah tersebut.

### **1.5 Pemilihan Peserta**

- 1.5.1. Pentadbir Tanah Jajahan akan menganalisis borang-borang benci. Senarai permohonann hendaklah dihantar kepada Pengarah Tanah dan Galian, Kelantan (dalam disket komputer) untuk penganalisan komputer.

- 1.5.2. Jawatankuasa Tanah Jajahan akan membuat perakuan ada senarai pemohon-pemohon berkenaan patut dipertimbangkan atau sebaliknya.
- 1.5.3. Senarai pemohon yang diperakui hendaklah diangkat untuk perakuan selanjutnya oleh Jawatankuasa Hal Ehwal Tanah Negeri berpandukan analisis oleh Pengarah Tanah dan Galian, Kelantan.
- 1.5.4. Senarai yang diperakui oleh Jawatankuasa Hal Ehwal Tanah Negeri hendaklah diangkat untuk pertimbangan Pihak Berkuasa Negeri.

## **1.6 Pengecaman Dan Kelulusan Tanah secara Berancang**

- 1.6.1 Pentadbir Tanah dan Jajahan hendaklah mengecam tanah-tanah yang sesuai untuk dibuka dan diberimilik secara berancang.
- 1.6.2. Jawatankuasa Hal Ehwal Tanah Jajahan akan membuat perakuan bersetuju atau tidak dengan cadangan tersebut dan diangkat untuk pertimbangan Jawatankuasa Tanah, Perhutanan dan Sumber Asli.
- 1.6.3. Jawatankuasa Tanah, Perhutanan dan Sumber Asli, memperakui bersetuju atau tidak dengan perakuan Jawatankuasa Hal Ehwal Tanah Jajahan.
- 1.6.4. Pertimbangan Majlis Mesyuarat Kerajaan.

2. Pekeliling ini hendaklah dibaca bersama Pekeliling PTG. KN. Bil. 5/88 dan 5/91. Pengedaran PTG 2/60, 4/60, 2/61, 2/64 dan Pekeliling PTG 3/71 dan 6/76 adalah dengan ini dimansuhkan.

**t.t**

**(Hj Ashaari Azmi Bin Hj Abdullah)**  
PENGARAH TANAH DAN GALIAN,  
KELANTAN

**PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN ,  
KELANTAN  
BLOK 3, KOTA DARULNAIM,  
15576 KOTA BHARU.**

**BERTARIKH : 20 APRIL 1992**

**KEPADА :**

Semua Pentadbir Tanah dan Jajahan, Kelantan.

**SALINAN KEPADA :**

1. Y.A.B. Tuan Guru Menteri Besar Kelantan.
2. Y.B. Timbalan Menteri Besar, Kelantan.  
( Tuan Haji Abdul Halim Bin Abdul Rahman)
3. Y.B. Timbalan Menteri Besar, Kelantan.  
(Tuan Haji Mohd Rozali Bin Isohak)
4. Y.B. Dato' Setiausaha Kerajaan, Kelantan.
5. Y.B. Dato' Pegawai Kewangan Negeri, Kelantan.
6. Y.B. Tuan Penasihat Undang-undang, Negeri Kelantan.
7. Y.A.Brs. Ketua Audit Negeri Kelantan.
8. Y.A.Brs Semua Ketua Jajahan, Kelantan.
9. Y.A.Brs Pengarah Penyelesaian Tanah, Negeri Kelantan.
10. Y.A.Brs Setiausaha Majlis Mesyuarat Kerajaan, Kelantan.

**FAIL :        1/2/4(37)**